

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepe.com](http://www.ijepe.com)



**PENILAIAN PRODUK “PROGRAM KO-KURIKULUM  
BERKREDIT” MENGGUNAKAN MODEL PENILAIAN  
KONTEKS, INPUT, PROSES DAN PRODUK**

*PRODUCT EVALUATION OF “CO-CURRICULUM PROGRAM WITH CREDIT”  
USING CONTEXT, INPUT, PROCESS AND PRODUCT EVALUATION MODEL*

Crispina Gregory K. Han<sup>1\*</sup>, Mohammad Azri Amatan<sup>2</sup>, Colonius Atang<sup>3</sup>, Jurry Foo<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: [crispina@ums.edu.my](mailto:crispina@ums.edu.my)

<sup>2</sup> Universiti Malaysia Sabah Malaysia

Email: [mohammad\\_azri\\_dp20@iluv.ums.edu.my](mailto:mohammad_azri_dp20@iluv.ums.edu.my)

<sup>3</sup> Universiti Malaysia Sabah Malaysia

Email: [colonius@ums.edu.my](mailto:colonius@ums.edu.my)

<sup>4</sup> Universiti Malaysia Sabah Malaysia

Email: [jurryfm@ums.edu.my](mailto:jurryfm@ums.edu.my)

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 04.04.2023

Revised date: 15.05.2023

Accepted date: 13.06.2023

Published date: 28.06.2023

**To cite this document:**

Han, C. G. K., Amatan, M. A., Atang, C., & Foo, J (2023). Penilaian Produk “Program Ko-Kurikulum Berkredit” menggunakan Model Konteks, Input, Proses dan Produk. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 631-649.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.850045

**Abstrak:**

Dasar dan falsafah Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) adalah melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, membangunkan ketahanan fizikal, mental dan rohani pelajar, menjana pemikiran kreatif, inovatif, produktif dan proaktif serta menanamkan semangat keyakinan dan cecal menghadapi cabaran. Penilaian Produk ‘Program Ko-kurikulum Berkredit’ di Universiti Malaysia Sabah bertujuan untuk penambahbaikan dan memberi informasi yang tepat untuk pembuat dasar membuat keputusan. Pendekatan Penilaian Produk adalah berdasarkan Model Konteks, Input, Proses dan Produk yang berfokuskan kepada penilaian produk sahaja. Kajian kualitatif menggunakan semakan dokumen dan temubual berstruktur ke atas sembilan informan kajian iaitu pelajar-pelajar yang mengambil kursus ko-kurikulum berkredit. Dapatan kajian menunjukkan hasil pembelajaran kursus-kursus ko-kurikulum berkredit tercapai dengan sebahagian besar pelajar mendapat gred cemerlang berdasarkan semakan dokumen. Kemahiran insaniah yang diperolehi adalah kemahiran kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi. Impak program ko-kurikulum kepada informan dapat dilihat dari aspek produk yang dijangkakan dan juga bukan dijangkakan seperti berani untuk berkomunikasi, proses

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



pembelajaran bertambah baik, pengurusan masa bertambah baik, belajar mengurus projek, memperoleh pengetahuan baru, berani untuk memimpin, bertanggungjawab dan bertoleransi. Secara ringkasnya, penawaran program kursus-kursus ko-kurikulum berkredit Universiti Malaysia Sabah wajar untuk dikekalkan dan diteruskan.

#### **Kata Kunci:**

Penilaian Produk, Model KIPP, Ko-kurikulum

#### **Abstract:**

The policy and philosophy of the Co-curriculum and Student Development Center (CSDC) aim to produce students who are balanced from the intellectual, spiritual, emotional, and physical aspects, develop the physical, mental, and spiritual endurance of students, generate creative, innovative, productive and proactive thinking and instill enthusiasm and confidence to face challenges. The Product Evaluation of the 'Co-Curriculum Program with Credit' at Universiti Malaysia Sabah aims to improve and provide accurate information for making policy decisions. Qualitative research uses structured interviews conducted with nine informants who are students who take co-curriculum courses with credit. The findings of the study show that the learning outcomes of the co-curriculum program courses with credit are achieved with many students getting excellent grades based on document review. The soft skills acquired are leadership skills and communication skills. The impact of the co-curriculum program on the informants can be seen from the expected and unexpected product aspects such as courage to communicate, improved learning process, improved time management, learning to manage projects, acquiring new knowledge, daring to lead, responsible and tolerance. In summary, Universiti Malaysia Sabah's offering co-curriculum program courses with credit should be maintained and continued.

#### **Keywords:**

Product Evaluation, CIPP Model, Co-curriculum

## **Pengenalan**

Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) ditubuhkan pada 1hb Jun 2002. Penubuhannya bertujuan untuk melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, membangunkan ketahanan fizikal, mental dan rohani pelajar, menjana pemikiran kreatif, inovatif, produktif dan proaktif serta menanamkan semangat keyakinan dan cecal menghadapi cabaran (UMS Prospektus Prasiswazah, 2017-2018:308). Tujahan pengurusan PKPP adalah memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran ko-kurikulum yang merupakan kursus teras atau wajib universiti. Selain itu, kursus-kursus ko-kurikulum berkredit bertujuan untuk membangunkan daya dan potensi pelajar bagi penguasaan kemahiran insaniah melalui aktiviti pemajuan pelajar. Program ko-kurikulum merujuk kepada senarai 25 kursus universiti yang ditawarkan pada semester 2 sesi 2021-2022, iaitu; Senamrobik (Sek.1), Seni Bela Diri Shorinji Kempo (Sek.1), Interim, Pengurusan Organisasi Pelajar, Kepimpinan dan Motivasi (Baktisiswa), Pengurusan Masjid dan Jenazah, Projek Sains Makanan, Palapes Darat II, Palapes Darat IV, Palapes Darat VI, Palapes Laut II, Palapes Laut IV, Palapes Laut VI, Palapes Udara II, Palapes Udara IV, Palapes Udara VI, Suksis II, Suksis IV, Suksis VI, UMS Sejati (Bomba dan Penyelamat) II, UMS Sejati (Paramedik) II, UMS Sejati (Kembara) II,

UMS Sejati (Brassband) II, Sispa II serta Sispa IV. Sehingga tahun 2023, iaitu dalam jangka masa 21 tahun penawaran kursus ko-kurikulum berkredit sudah cukup matang dan wajar untuk dibuat penilaian.

### **Pernyataan Masalah**

Dalam konteks Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), umum mengetahui kelebihan dan keperluan pelaksanaan program ko-kurikulum dalam sistem pendidikan Malaysia. Dalam hal ini, pihak UMS turut tidak ketinggalan dalam mengelola pelaksanaan kursus ko-kurikulum yang ditawarkan melalui peranan PKPP. Program ko-kurikulum meliputi pelbagai bidang seiring keperluan dan tuntutan masyarakat khususnya dalam sektor pekerjaan (UMS Prospektus Prasiswazah, 2017-2018:308). Sehubungan ini, senario pelaksanaan program ko-kurikulum di UMS sejak penubuhan PKPP pada 2002, didapati kursus-kursus ko-kurikulum tersebut belum pernah dibuat sebarang penilaian terhadap produk kursus-kursus yang telah ditawarkan tersebut, khususnya dari aspek kemahiran insaniah (kepimpinan dan komunikasi) iaitu aspek yang menjadi keutamaan PKPP. Perkara ini menimbulkan persoalan tentang apakah produk program ko-kurikulum berdasarkan kursus-kursus yang ditawarkan tersebut telah tercapai dan apakah produknya. Disebabkan ini, sudah tiba masanya suatu kajian penilaian perlu dilaksanakan bagi menilai serta menentukan produk pelaksanaannya, khususnya dari perspektif pelajar yang terlibat secara langsung dalam program berkenaan, agar program tersebut dapat dipastikan berada pada landasan yang betul, iaitu sama ada dilaksanakan seperti ditetapkan oleh pihak PKPP. Pelaksanaan suatu program tidak boleh dikatakan berada di landasan betul seandainya tahap pelaksanaan dan faktor yang menjadi kekuatan dan kelemahannya tidak dapat dipastikan (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Oleh itu, melalui usaha penilaian berhubung aspek produk menyediakan maklumat untuk diambil perhatian agar langkah penambahbaikan yang berkesan dapat dicadangkan untuk dilaksanakan. Tambahan pula, didapati sehingga kini tiada suatu maklumat khusus yang dapat memberikan gambaran menyeluruh berhubung aspek produk program ko-kurikulum berkredit yang telah ditawarkan terutamanya di UMS, iaitu secara khusus dalam merungkai persoalan sejauh manakah pencapaian hasil pembelajaran kursus-kursus ko-kurikulum berkredit yang ditawarkan dan juga persoalan apakah impak program ko-kurikulum berkredit tersebut sejak sekian lama dilaksanakan. Situasi ini memberikan kewajaran terhadap keperluan kajian penilaian 'Program Ko-kurikulum Berkredit' dilakukan dengan memberi fokus terhadap penilaian aspek produk program tersebut. Perkara ini mustahak ditentukan bagi memastikan sama ada pelaksanaan kursus-kursus program ko-kurikulum tersebut telah berjaya mencapai hasil pembelajaran setiap kursus yang ditawarkan. Stufflebeam dan Shinkfield (2007) menegaskan penilaian sesuatu kurikulum atau program dilaksanakan bertujuan untuk memperbaiki dan bukannya untuk membuktikan, maka penilaian terhadap aspek ini dilakukan untuk penambahbaikan dan memberi informasi yang tepat untuk pembuat dasar membuat keputusan sama ada kursus-kursus tersebut dikekalkan, digugurkan atau ditambah baik. Kelebihan menjalankan penilaian produk bermanfaat memberi maklumat dalam membuat keputusan tentang hasil yang telah dicapai, selain berperanan sebagai pelan perancangan jangka panjang (Sax, 1980; Farida Yusuf, 2000). Maklumat hasil kajian penilaian ini seterusnya berfungsi sebagai maklum balas kepada semua pihak terlibat dalam merancang dan melaksanakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan program ko-kurikulum di UMS agar pelaksanaannya dapat dipastikan berjaya mencapai matlamat yang dihasratkan.

### **Tujuan dan Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk membuat penilaian produk program ko-kurikulum berkredit di Universiti Malaysia Sabah manakala objektif kajian adalah untuk meneroka;

- i. sejauh manakah pencapaian hasil pembelajaran kursus-kursus kokurikulum berkredit.
- ii. impak program kokurikulum berkredit berdasarkan kursus-kursus yang ditawarkan.

Kajian ini adalah sangat penting dalam menentukan kejayaan acuan pembentukan modal insan tenaga kerja yang dikehendaki oleh Kerajaan Malaysia. Ringkasnya, kesignifikanan kajian sudah pasti dapat memanfaatkan dapatan kajian yang diperolehi melalui *data driven* sekurang-kurangnya dapat memberi panduan kepada pembuat dasar untuk membuat satu keputusan yang tepat dan jitu sama ada kursus-kursus yang ditawarkan akan terus dikekalkan atau digugurkan ataupun diubahsuai.

### **Kajian Literatur**

Dalam konteks kajian ini, kemahiran insaniah merujuk kepada domain kognitif bukan akademik (Shahnon Ahmad, 1981; Ahmad Atory, 1998), yang bertujuan untuk melahirkan pelajar berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, beretika dan terlatih (Mohd Taib, 2008), memiliki ciri kepemimpinan, semangat kerjasama dan mahir berkomunikasi (Tubbs & Moss, 2000) yang sering dikaitkan dengan penggunaan istilah *soft skills*, yang mana kemahiran insaniah dapat diterapkan melalui pelaksanaan ko-kurikulum di institusi pengajian tinggi. Kemahiran insaniah sering dikaitkan dengan penggunaan istilah seperti *soft skills*, *essential skills*, *human skills*, *employability skills* dan *non-technical skills* (Mohd Faizullah, 2014). Bagi Mahyuddin dan Sri Dewi (2011), kemahiran insaniah meliputi tingkah laku, sikap, cara memperolehi keputusan dan pengurusan organisasi, nilai positif, pembelajaran berterusan, kepemimpinan, kemahiran menyelesaikan masalah, kerja berpasukan, kemahiran moral dan etika, pengurusan aktiviti (Zamri, 2012), kemahiran berkomunikasi dan penguasaan pelbagai bahasa (Noorashidi, 2009), kemahiran teknologi, kemahiran berfikir dan mengembangkan keyakinan diri yang berhubungan dengan kemahiran bukan akademik (Khatijah & Siti, 2006) bagi membina kebolehsaingan pelajar sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Dalam konteks pendidikan, kemahiran insaniah dapat dibentuk melalui pendedahan terhadap persekitaran, kehidupan harian melalui peranan institusi pendidikan menerusi proses pembelajaran khususnya dalam ko-kurikulum (Ahmad, 2008). Pencapaian ko-kurikulum pula merujuk kepada tinjauan terhadap penyertaan pelajar dalam banyak amalan berimpak tinggi (HIP) sebagai menunjukkan pencapaian produk program ko-kurikulum berkredit atau menunjukkan kejayaan pelajar.

Ahmad, Jailani dan Noraini (2004) mendapati kegiatan ko-kurikulum memberikan implikasi terutamanya dalam membangunkan kemahiran generik pelajar agar lebih bersifat berdikari. Program ko-kurikulum juga telah dibuktikan berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Aini, Che Husna, Dzuraidah, Noriah & Siti Rahaya, 2005), ianya juga berperanan menambah minat, mewujudkan rasa ingin serta mendorong pengetahuan baru dalam kalangan pelajar (Jamalis & Omar, 2007). Seajar dengan ini, Kerangka Kualiti Malaysia (KKM) telah menggariskan lapan domain kemahiran generik yang boleh diperolehi kesan pelaksanaan ko-kurikulum, antaranya adalah menyemai sikap profesionalisme, nilai dan sikap positif, perilaku dan etika, kebertanggungjawaban dan keprihatinan sosial, kemahiran komunikasi, pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepengurusan, yang mana matlamat akhirnya adalah ke arah pemantapan sistem pendidikan negara (Abd Fatah Hasan, 2001).

Bagi Johari dan Sutinah (2010), kesan pelaksanaan ko-kurikulum terhadap sahsiah dan jati diri pelajar adalah kemampuan membawa kecemerlangan dalam akademik dan menyerlahkan ciri-ciri kepimpinan dalam diri pelajar, selain memberi impak dalam pengurusan masa, sikap, minat dan tanggungjawab pelajar yang terbina melalui penglibatan dalam mengorganisasi kegiatan ko-kurikulum yang disertai (Aminuddin, 2004). Ko-kurikulum turut dikenal pasti penting dalam membantu pelajar melengkapkan dan memperkukuhkan proses pembelajaran. Melalui perubahan


kesan pelaksanaan ko-kurikulum seperti tingkah laku, sahsiah dan emosi pelajar tentunya akan menambah pengalaman dan memberi impak terhadap pengembangan kemahiran insaniah pelajar (Mohd Fazli, Suhaida, & Soaib, 2013). Kesannya dapat dilihat secara ketara dalam pengembangan bakat, disiplin, kreativiti dan potensi diri, selain memupuk semangat daya saing (Wardatul 2014), bersifat menyeluruh dan menjadi agen perpaduan (Ahmad Esa, Mohd Khir, Nawawi, Norashidah & Zalinah, 2015). Chickering (1969) menyatakan impak ko-kurikulum dilihat melalui aspek kecekapan, mengurus emosi, berautonomi serta kritikal terhadap tugas-tugas yang ditangani pelajar seterusnya dapat membina keyakinan terhadap kemampuan mereka, menimbulkan kesan positif dan kepuasan dapat mencapai tujuan (Chickering & Reisser, 1993).

Aktiviti ko-kurikulum memainkan peranan penting dalam kejayaan akademik pelajar (Chambers & Schreiber, 2004; Huang & Chang, 2004; Hunt, 2005; Stephens & Schaben, 2002; Tan & Pope, 2007). Pengalaman dalam ko-kurikulum dapat memberi banyak peluang kepada pelajar dalam peningkatan prestasi, memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang berharga melalui penyertaan dalam aktiviti seperti persembahan, penghasilan projek, memupuk nilai kerja berpasukan, kebolehan merancang dan melaksanakan program dalam suatu organisasi (Wheeler & Haertel, 1993; Wiggins, 1993). Begitu juga keberkesanan pembelajaran melalui ko-kurikulum terutamanya aspek psikososial mampu menyumbang kepada elemen-elemen seperti peningkatan prestasi dan hasil akademik pelajar, seperti harga diri, keberkesanan, dan keyakinan akademik (Chemers, Hu, & Garcia, 2001; Friedlander, Reid, Shupak, & Cribbie, 2007; Zajacova, Lynch, & Espenshade, 2005); penggunaan masa (Lahmers & Zulauf, 2000; Nonis & Hudson, 2006); mengendalikan tekanan dan faktor emosi (Davidson & Beck, 2006; Pritchard & Wilson, 2003); motivasi dan kesesuaian tugas (VanZile-Tamsen, 2001), dan komunikasi (Cayanus, 2005; Cunconan, 1996), seterusnya berkesan membantu pelajar bertahan dalam persekitaran insitansi pendidikan baik dari segi akademik dan psikologi.

### **Model Konteks, Input, Proses dan Produk**

Kajian ini menggunakan Model Penilaian Model Konteks, Input, Proses dan Produk yang dikemukakan Stufflebeam et al. (2003). Daniel Stufflebeam (1971) membina Model Penilaian yang dikenali sebagai CIPP iaitu merupakan suatu panduan yang memberi struktur penilaian program yang sistematik. CIPP adalah akronim bagi satu siri penilaian (Pang & Lajium, 2014) berasaskan empat aspek utama iaitu konteks (*context*), input (*input*), proses (*process*) dan produk (*product*). Keempat-empat komponen dalam model Stufflebeam memainkan peranan penting dan diperlukan dalam mencapai matlamat, perancangan, pelaksanaan, penilaian hasil program dan membuat keputusan. Stufflebeam (2003), menjelaskan penilaian konteks adalah untuk menilai pembangunan dan pengurusan sesuatu program serta menentukan kesesuaian persekitaran bagi membantu mencapai objektif dan matlamat program. Seterusnya, penilaian input adalah bertujuan untuk membantu penyelidik membuat perubahan yang diperlukan dalam program manakala penilaian proses adalah menilai tahap program secara berterusan yang dilaksanakan untuk memenuhi kehendak dan matlamat. Penilaian produk pula ialah mengenal pasti dan menilai hasil program yang dijangkakan dan yang tidak dijangkakan. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada penilaian produk sahaja. Rajah 1 menunjukkan Model penilaian CIPP.





Rajah 1: Model CIPP

Sumber: Stufflebeam *et al.*, (1971)

### Penilaian Produk

Domain produk dalam Model Konteks, Input, Proses dan Produk adalah merujuk kepada mengukur, membuat interpretasi yang bersifat menghakimi bagi melihat keperluan serta menentukan kewajaran suatu perkara dinilai (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Penilaian produk bertujuan mengukur dan mentafsir hasil bagi suatu objek penilaian (Stufflebeam *et al.*, 1971; Rossi *et al.*, 2003; Shamsa Aziz, Munazza Mahmood, & Zahra Rehman, 2018). Penilaian yang dilakukan termasuklah menentukan dan memeriksa hasil umum dan spesifik, mengukur hasil dijangkakan dan hasil tidak dijangka, serta menilai merit keberkesanan pelaksanaan (Payne, 1994; Farida Yusuf, 2000). Langkah penilaian produk boleh dilakukan dengan cara menetapkan definisi operasi terhadap objektif atau matlamat yang ingin dicapai, mengukur kriteria berhubung dengan matlamat, membandingkan pengukuran tersebut dengan satu piawai yang ditetapkan lebih awal, dan membuat tafsiran rasional terhadap hasil diperoleh menggunakan maklumat-maklumat konteks, input, proses bagi produk (hasil) yang telah dicapai (Reeves, 1994). Akhir dari penilaian produk berperanan melaporkan maklumat yang telah dianalisis kepada pihak terlibat agar keputusan dapat dibuat (Farida Yusuf, 2008; Azizi Yahaya *et al.*, 2010). Dalam hal ini, sekiranya suatu matlamat dapat dicapai, amat penting untuk mengetahui prosedur sebenar yang membawa kepada kejayaan pencapaian tersebut. Oleh yang demikian, dimensi produk memberikan maklum balas untuk melakukan perubahan yang sepatutnya dalam proses pelaksanaan sesuatu perkara yang ingin dicapai. Maklumat hasil penilaian produk menyediakan rasional kuat untuk memutuskan sama ada sesuatu perkara harus disambung, diubahsuai mahupun diberhentikan pelaksanaannya (Finch & Crunkilton, 1999; Sax, 1980; Mossman, 1981; Stufflebeam, 2001; Bernadette, 2002; Stufflebeam & Shinkfield, 2007; Sukardi, 2011; Rohana Hamzah *et al.*, 2019). Dalam konteks kajian ini, penilaian produk adalah untuk meneroka sejauh manakah pencapaian hasil pembelajaran kursus-kursus ko-kurikulum berkredit dan impak program ko-kurikulum berkredit kepada klien. Dalam hal ini, pelajar-pelajar mengikuti kursus-kursus ko-kurikulum berkredit adalah klien yang telah dikenal pasti mengambil 'Program Ko-kurikulum Berkredit'.

### Metodologi

Pendekatan kualitatif menekankan penerokaan dan kefahaman berdasarkan perspektif pengetahuan konstruktivis dan transformatif. Sehubungan itu, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif bagi menjalankan penilaian produk untuk mengutip dan mengumpul data dengan memberi fokus kepada penyiasatan yang berkaitan dengan objektif kajian. Memandangkan kaedah temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen lebih cenderung ke arah penyelidikan kualitatif (Stake, 2010; Creswell, 2014) maka pengkaji memutuskan untuk memilih semakan dokumen dan temu bual untuk mengutip dan mengumpul data. Worthen (1990), menjelaskan penilaian penyelidikan dijalankan bagi mengetahui keberkesanan tujuan pendidikan dan membuat penghakiman, proses dan hasil, hubungan antara proses dan hasil, sumber, perancangan dan pelaksanaan rangka kerja. Rentetan daripada itu, bagi penilaian produk 'Program Ko-kurikulum Berkredit', pengkaji sendiri ke lokasi kajian untuk mendapatkan segala maklumat daripada individu yang terlibat dengan fenomena yang hendak dikaji dan memperoleh maklumat yang lebih jitu, tepat dan jelas (Silverman, 2000; Guba &

Lincoln, 1981).

Dalam era penyelidikan masa kini, kajian kes merupakan kaedah paling popular terutama dalam penyelidikan pendidikan, penilaian dan organisasi untuk mengakses pelbagai maklumat yang lebih komprehensif. Menurut Stake (2010), kajian kes merupakan idea yang dominan dan boleh berubah mengikut kesesuaian aktiviti bagi menjelaskan sesuatu fenomena dan peristiwa. Dalam konteks kajian penilaian produk ini, pengkaji memainkan peranan penting untuk berada di lapangan bagi memperoleh data kajian dan mendapatkan kefahaman lebih mendalam mengenai fenomena kes. Hal ini disebabkan kajian kes merupakan kerangka utama untuk melaksanakan kajian secara kualitatif (Stake, 2010) dan membolehkan pengkaji memerhati dan meneliti sesuatu peristiwa yang berlaku di dalam persekitaran sebenar dan meneroka sesuatu fenomena sosial yang kompleks (Creswell, 2014; Merriam, 2009). Temubual secara *focus-group* dalam kajian ini mengupas persoalan berikut: Sejauh manakah pencapaian hasil pembelajaran program ko-kurikulum dalam mencapai objektif kursus-kursus 'Program Ko-kurikulum Berkredit'? dan Apakah impak program ko-kurikulum kepada klien? Hasil dapatan kajian kualitatif ini diperoleh daripada sembilan orang pelajar yang telah menyertai ko-kurikulum berkredit dalam semester 2 sesi 2021-2022. Semakan dokumen juga digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama selain temubual.

### Dapatan Kajian

Dapatan kajian melaporkan hasil dapatan kajian kepada persoalan kajian; a) Sejauh manakah pencapaian hasil pembelajaran kursus-kursus 'Program Ko-Kurikulum Berkredit'? b) Apakah impak 'Program Ko-Kurikulum Berkredit' kepada pelajar?

### Pencapaian Hasil Pembelajaran Kursus-Kursus Program Ko-kurikulum Berkredit

Produk sesuatu program dapat dilihat melalui pencapaian klien dalam mencapai hasil pembelajaran kursus 'Program Ko-kurikulum Berkredit'. Berdasarkan semakan dokumen, Jadual 1 menunjukkan analisis pencapaian hasil pembelajaran kursus-kursus 'Program ko-kurikulum Berkredit' yang diperoleh setelah sesi penilaian formatif dan sumatif dilaksanakan. Analisis menunjukkan seramai 80.59% mendapat A, 12.92% mendapat A-, 4.06% mendapat B+, 1.51% mendapat B, 0.23% mendapat B- dan C+, 0.06% mendapat C, D+ dan AU, 0.17% mendapat F, dan 0.12% mendapat X. Ini menunjukkan ramai pelajar telah mendapat keputusan gred cemerlang.

**Jadual 1: Analisis Gred Keseluruhan Mengikut Fakulti dan Kursus 2-2021/2022**

|      |       | A      | A-     | B+    | B     | B-    | C+    | C     | D+    | F     | X     | AU    | Jumlah  |
|------|-------|--------|--------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|---------|
| PKPP | Total | 1,391  | 223    | 70    | 26    | 4     | 4     | 1     | 1     | 3     | 2     | 1     | 1,726   |
|      |       | 80.59% | 12.92% | 4.06% | 1.51% | 0.23% | 0.23% | 0.06% | 0.06% | 0.17% | 0.12% | 0.06% | 100.00% |

Sumber: PKPP, 10 Mei 2023.

Berdasarkan hasil temubual, informan menyatakan objektif kursus tercapai melalui aktiviti-aktiviti kursus seperti UMS SPRINT dan Karnival kebudayaan selain daripada kuliah, tutorial dan hasil pentaksiran kursus. Pencapaian hasil pembelajaran dapat dilihat melalui tema-tema terbitan maklum balas temu bual informan yang mengatakan objektif kursus telah tercapai sama ada dari aspek kepimpinan dan juga komunikasi.

### Objektif Kursus Tercapai

Objektif kursus merujuk kepada hasil pembelajaran kursus-kursus ko-kurikulum berkredit yang telah dinyatakan dengan jelas dalam struktur kursus. Pengajaran konten kursus, aktiviti-aktiviti dan pentaksiran kursus yang dirancang seharusnya selari yang bertujuan untuk mencapai *Course*

*Learning Outcome* (CLO). Berikut ada dapatan kajian temubual bagi persoalan kajian yang pertama iaitu: Sejauh manakah pencapaian hasil pembelajaran kursus-kursus ko-kurikulum berkredit?

“Saya boleh katakan objektif kursus ini memang tercapai dan kursus ini memang sangat menarik. Hasil pembelajaran berjalan dengan lancar sepanjang program dilaksanakan secara maya dan kami dapat lakukan dengan baik.” (Pelajar 1)

“Kemenangan yang kami perolehi contohnya aktiviti UMS SPRINT itu, kami mendapat persembahan terbaik dan juara dalam cadangan dan idea baru dan kami gembira apa yang kami capai.” (Pelajar 1)

“Bagi saya tercapai dan apa yang saya faham hasil pembelajaran yang pernah dinyatakan di awal kursus oleh jurulatih.” (Pelajar 2)

“Program aktiviti yang wajib seperti UMS SPRINT dan karnival kokum sangat menepati apa yang jurulatih saya ajar.” (Pelajar 2)

“Saya yakin menyatakan kami telah mencapai seratus peratus objektif kursus kami dan kami sangat berpuas hati.” (Pelajar 3)

“Dalam kursus saya ada inovasi, UMS SPRINT, dan karnival. Assessment untuk quiz. Jadi menepati keperluan dalam struktur kursus tersebut.” (Pelajar 8)

“Kami diberi *case study* dan *assignment* lebih kepada penyelesaian masalah, 30% or 40%. So, kursus yang ditawarkan ini menepati apa yang diberitahu dalam struktur kursus sama juga dengan penilaian kursus.” (Pelajar 5)

“Kursus yang ditawarkan ini memang menepati apa yang diberitahu dalam struktur kursus sama juga dengan penilaian kursus dan 15 % yang lain UMS SPRINT, dan karnival selain pembentangan.” (Pelajar 6)

“Kursus yang ditawarkan ini menepati apa yang diberitahu dalam struktur kursus sama juga dengan penilaian kursus di mana dalam kursus yang saya ikuti ada ujian. Tapi yang selalu banyak markah ialah aktiviti UMS SPRINT.” (Pelajar 7)

### **Objektif Kursus Tercapai (Kepimpinan)**

Kepimpinan adalah salah satu kemahiran insaniah. Pembentukan kepimpinan dalam diri seseorang bukanlah perkara yang mudah. Dapatan temubual informan menyatakan objektif kursus yang tercapai dapat dilihat dari aspek kemahiran memimpin di mana peluang dan pengalaman untuk merasakannya dapat diperoleh melalui aktiviti-aktiviti dalam kursus-kursus ko-kurikulum berkredit.

“Pengetahuan memimpin dalam kursus memang tercapai dan saya belajar untuk menerima banyak pendapat.” (Pelajar 4)

“Hasil pembelajaran interim antaranya adalah kepimpinan di mana kita belajar untuk menjadi ketua yang bertimbang rasa,..kita *consider* dengan orang lain...” (Pelajar 4)

“Kepimpinan dan pengurusan yang baik membantu kami dapat memenangi poster dan video terbaik



dan ini adalah pencapaian yang baik.” (Pelajar 2)

“Kemahiran dalam memimpin mungkin itu saya lebih mudah untuk fahamkan kepada rakan-rakan lain.” (Pelajar 3)

“Saya belajar untuk memimpin dan banyak belajar bertoleransi untuk menerima dan menolak pendapat dengan cara yang baik.” (Pelajar 4)

“Dalam kursus yang saya ikuti lebih kepada menyusun-aturkan, lebih protokol dan kepimpinan dalam mengarah tu lebih sistematik dan lebih spesifik.” (Pelajar 6)

“Selepas mengikut program ini saya mendapat pengalaman yang cukup bermakna. Kepimpinan semakin baik.” (Pelajar 7)

“Sebelum ini saya tidak tahu macam mana cara memimpin, sebab sebelum ni saya AJK kecil sahaja tapi sekarang bila jadi Timbalan Pengerusi, kepimpinan tu lebih terasa.” (Pelajar 8)

“Secara keseluruhannya bagi kesan positif pada saya dan sangat banyak faedahnya...yang kita tak dapat belajar secara formal.... macam mana untuk *handle* program, memerlukan sifat kepimpinan yang baik..” (Pelajar 4)

“Perubahan ketara, saya lihat kepimpinan saya menjadi lebih baik lebih-lebih lagi terpilih menjadi pengarah program dan tidak mudah mengendalikan aktiviti, lagi-lagi *fully online*. Pertama kali terpilih tu saya rasa agak macam *down*, takut, tidak yakin, takut tidak terjal program ini, tapi minggu demi minggu bimbingan yang diberi oleh pensyarah dapat memupuk semangat bila saya jatuh. Kuliah yang diberikan macam mana jadi ketua yang baik, macam mana mau mendidik ahli, ada input saya guna juga pengetahuan yang dalam kuliah setiap minggu.” (Pelajar 7).

### **Objektif Kursus Tercapai (Kemahiran Komunikasi)**

Program hubungan komuniti berteraskan keperluan pembangunan kemahiran insaniah dengan tumpuan kepada nilai-nilai kerjasama kumpulan, kepimpinan serta membangunkan daya dan kemampuan interaksi dan komunikasi secara efektif dengan masyarakat setempat. Program ini dicernakan dari kursus-kursus kokurikulum bagi memberi ruang kepada pelajar mengadakan interaksi komuniti, budaya dan intelek dalam usaha merealisasikan integrasi nasional dan mahasiswa universiti yang mempunyai jatidiri dan nilai kasih sayang sejagat ((Panduan Program Kokurikulum, PKPP, UMS, 2009:20). Program ini juga berjaya dilaksanakan mengikut situasi fasa pandemik pada ketika itu. Berikut adalah analisis temubual informan berkenaan objektif kursus telah tercapai dari aspek kemahiran berkomunikasi.

“Saya bertambah yakin untuk berkomunikasi, keyakinan diri saya meningkat bila mengikuti Kursus Kepimpinan dan Motivasi Bakti Siswa. Keyakinan saya bertambah apabila saya boleh berkomunikasi dengan orang awam walaupun secara maya.” (Pelajar 1)

“Saya dan rakan-rakan berkomunikasi dengan baik antara satu dengan lain.” (Pelajar 2)

“Kursus ini dapat memupuk kemahiran berkomunikasi dan antara lain dapat membina satu hubungan dan saya dapat banyak faedah.” (Pelajar 2)

“Saya berkomunikasi dengan *team-team* untuk mencari idea. Keyakinan berkomunikasi saya semakin bertambah baik melalui perbualan dalam GM. Ini dapat memberi keyakinan saya menjadi ketua yang cekap.” (Pelajar 2)

“Keyakinan saya berani untuk bercakap dengan orang yang tak dikenali dan menjadikan dia kawan.” (Pelajar 2)

“Bagi saya interaksi antara institusi dan masyarakat secara maya hanya dapat dicapai 90% pencapaiannya.” (Pelajar 3)

“Kalau UMS SPRINT macam banyaklah boleh kami dapat daripada panel sebab kami pun jemput panel dari luar dan kami dapat pengetahuan baru. Dalam UMSPRINT, terdapat sesi perbincangan secara keseluruhan dan saya belajar jadi berani untuk mengutarakan pendapat pada masa perbincangan.” (Pelajar 4)

“Kalau kursus kokum yang saya ikuti ada Inovasi, UMS PRINT, karnival, forum dalam smart V3 dan pembentangan. Yang paling besar saya rasa pembentangan dalam kelas. Kami ada juga *public speaking* dan menepati struktur kursus kokum yang saya ikuti.” (Pelajar 9)

“Saya dapat berinteraksi dengan orang lain walaupun secara maya. Maksudnya berkomunikasi dengan berlainan bangsa dan dapat belajar perkataan baru daripada kawan-kawan lain.” (Pelajar 4)

“Saya belum pernah menjadi pengarah program tapi bila sudah dilantik menjadi pengarah program, saya lebih berani dalam mengutarakan saya punya pendapat. Sebelum ini untuk mengutarakan sesuatu, saya ragu-ragu dan sekarang dapat pengalaman menyertai kursus ini saya lebih berani.” (Pelajar 7)

“Saya dapat tahu macam mana cara berkomunikasi yang betul dengan pensyarah. Mesti ada dia punya cara juga kan. Mesti hormat. Tidak bersikap biadap apabila berkomunikasi dengan rakan-rakan.” (Pelajar 8)

“Pandangan orang lain ingat saya ni pemaarah. Dalam *online* pula tak nampak *expression*, bila kita menaip kita maksud dengan nada yang sopan tapi pemahaman orang tu lain. So saya kena *improve chatting* dalam *mod online*. Saya dapat perbaiki cara saya berkomunikasi.” (Pelajar 9)

“Saya juga belajar cara untuk bercakap secara singkat dan padat serta boleh difahami oleh orang lain contohnya semasa mengikuti satu program iaitu National Youth Online Gathering yang bukan sahaja melibatkan ums tetapi juga seluruh Malaysia.” (Pelajar 5)

“Sebelum ikut kursus ini kalau ada kawan barulah boleh bercakap. Selepas ambil kursus ini tidak kira ada kawan kah tiada kawan kah saya boleh bercakap sudah.” (Pelajar 6)

“Kalau bukan jadi pengarah program pun saya rasa memang akan terasah juga sifat komunikasi, lagi-lagi kami diberi masa sendiri untuk bercakap dan ini menguji keyakinan masing-masing.” (Pelajar 7)

“Ada peningkatan, sebab setiap kali kuliah pensyarah akan tanya soalan. Dia akan pilih dan buka kamera dan minta siapa yang dipilih untuk menjawab. Pertama macam malu-malu lagi tapi beberapa

minggu ok sudah. Saya lebih yakin berkomunikasi dengan orang ramai tambahan lagi ada sokongan pengarah pula.” (Pelajar 8)

“Secara *online* saya rasa *it's getting better*, sebab mula-mula buka kamera untuk pembentangan tu kan saya takut. Tapi kelas ada pembentangan *so I'm getting used of it*. Jadi, boleh bercakap depan kamera. Kalau depan orang saya masih perlukan kawan. Tapi *slowly I'm getting better*.” (Pelajar 9)

“Kami berkomunikasi melalui *google meet* dan juga *whatsApp* jadi macam kita belajar cara menghormati pendapat orang lain, macam mana kita mencelah macam itu lah kita belajar berkomunikasi dengan lebih berani dan teratur.” (Pelajar 4)

“Kemahiran lain yang saya belajar ialah kemahiran berkomunikasi dengan orang atasan semasa berurusan untuk mendapatkan kebenaran menggunakan *atlet launch* bagi menjalankan aktiviti ko-kurikulum kami.” (Pelajar 6)

“Kami boleh berkomunikasi tanpa rasa janggal, ragu-ragu atau takut. Kami dapat meneruskan perbincangan apa-apa saja kemusykilan yang ada. Perbincangan UMS PRINT kami pun berjalan dengan lancar.” (Pelajar 7)

“Saya jadi lebih berani untuk bercakap sebab sebelum ini saya kurang sikit untuk bercakap di depan orang tapi disebabkan saya perlu *handle program* saya perlu hubungi pensyarah, dan penceramah untuk sesi perkongsian. Jadi, saya belajar berkomunikasi dengan penceramah mengikut prosedur protokol yang perlu diambil.” (Pelajar 5)

### **Impak Program Ko-kurikulum**

Hasil atau produk sesuatu program juga dapat dilihat daripada impak ke atas diri seseorang setelah mengikuti sesuatu pembelajaran dalam mana-mana kursus ko-kurikulum. Tema-tema terbitan daripada analisis temubual berdasarkan impak program ko-kurikulum berkredit adalah berani untuk berkomunikasi, proses pembelajaran bertambah baik, pengurusan masa bertambah baik, boleh mengurus projek, mendapat pengetahuan baru, berani untuk memimpin, bertanggungjawab dan bertoleransi.

### **Berani Untuk Berkomunikasi**

Informan menyatakan setelah mengikuti kursus Program Ko-kurikulum berkredit, mereka merasakan mereka lebih berani untuk bercakap dan menyuarakan pendapat mereka. Selanjutnya, membantu mereka untuk berkongsi pendapat, menghormati rakan-rakan, menerima pendapat orang lain dan seterusnya dapat membimbing rakan-rakan mereka.

“Aktiviti yang saya sertai mengajar saya untuk jadi seorang yang semakin berani bercakap untuk menyuarakan pendapat saya dan berani untuk membimbing rakan-rakan dalam kumpulan saya. Tiba-tiba rasa bangga dengan diri sendiri sebab tiba-tiba saya boleh bercakap dengan berani.” (Pelajar 1)

“Faedahnya dari segi komunikasi mungkin dari aspek pengetahuan. Kami dapat mengenali satu sama lain mungkin untuk berkongsi pendapat jadi daripada situ kami dapat lihat sudut pandangan yang berbeza dan kami dapat buat satu kata sepakat dalam masa yang singkat. Selain tu, saya lebih senang berkomunikasi dan membantu saya *manage* sesuatu perkara.” (Pelajar 3)

“Menjadikan diri berani berkomunikasi dengan orang yang kita tidak kenal, kita akan lebih berhati-hati untuk berkomunikasi dengan orang-orang dalam kumpulan UMS SPRINT dan sebenarnya ini sangat baru bagi saya menjadi AJK publisiti.” (Pelajar 4)

“Mcam mana nak *handle* orang macam kita bagi arahan bagi *task* dekat dorang supaya jadi lebih kemas untuk buat persembahan sajak dan pantun. Saya belajar untuk saling menghormati antara orang lain dan belajar untuk berani komunikasi dan menerima pendapat orang lain.” (Pelajar 4)

“Dalam komunikasi saya banyak belajar untuk berkomunikasi dengan orang lain, mungkin saya berani untuk tegur apa yang dia buat, berani untuk betulkan apa yang dia salah dan bersikap terbuka lah macam boleh saling beri pendapat.” (Pelajar 4)

“Oo untuk komunikasi saya rasa telah banyak sebab saya jadi orang yang sangat berani dan banyak cakap macam sekarang, maksudnya saya memang dalam kelas seorang proaktif. Saya respon bila *madam* tanya, jadikan saya macam lebih berani dalam kelas Interim.” (Pelajar 4)

“Faedah yang saya dapat, saya dapat lebih ramai kawan dan saya lebih berani bercakap.” (Pelajar 8)

“*I gain myself back, my confident, and communication skill.*” (Pelajar 9)

“Di sebalik kekurangan, saya belajar untuk yakin dengan diri. Lagipun pengarah saya bagus, macam dia cakap *it's okay*, cuba cakap. *So*, saya lebih yakin dengan diri saya sendiri di mana saya yakin untuk bercakap dengan orang walaupun sebenarnya saya seorang yang *extrovert* namun sebenarnya saya kurang yakin untuk bercakap sebab takut nanti orang tidak boleh terima dan tidak faham.” (Pelajar 8)

### **Proses Pembelajaran Bertambah Baik**

Pembelajaran informan bertambah baik setelah mengikuti kursus-kursus dalam Program Ko-kurikulum Berkredit. Didapati penyertaan dalam kursus-kursus ko-kurikulum dapat memberikan mereka idea untuk kursus-kursus akademik yang mereka sedang ambil dalam semester tersebut.

“Saya dapat menambah baik juga proses pembelajaran saya. Misalnya menjadi *moderator* dalam aktiviti ceramah.” (Pelajar 1)

“Dapat memberikan saya satu idea kepada satu subjek perniagaan dan perakaunan dalam tajuk *management*. Sebagai pengarah program kokum saya boleh mengaplikasikan apa yang diajarkan oleh kursus Bomba dan Penyelamat. Jadi saya boleh *apply* kedua-duanya dan menguntungkan saya dalam masa yang sama boleh *apply* serentak dalam kedua-dua kursus.” (Pelajar 2)

“Apa yang saya belajar lain tapi terdapat sedikit *content* yang kami buat ada sedikit *related* dengan apa yang saya belajar daripada satu projek iaitu bengkel visualisasi data menggunakan *power best intelligent* yang itu saya aplikasikan dalam pembelajaran sains dan kursus saya dan dapat membantu untuk saya menguruskan *info-info* untuk pembelajaran saya.” (Pelajar 3)

### **Pengurusan Masa Lebih Baik**

Kemahiran mengurus masa dapat dipelajari apabila seseorang itu diletakkan dalam suatu situasi yang memerlukan kecekapan dalam melaksanakan aktiviti dalam tempoh yang diberikan. Hasil

analisis menyatakan impact ‘Program Ko-kurikulum Berkredit’ terhadap informan juga dapat dilihat dari aspek pengurusan masa masa yang lebih baik.

“Impact pada saya adalah saya lebih pandai dalam menguruskan masa. Saya dapat *handle* setiap masalah dan daripada masalah tersebut saya dah pandai *manage* masa.” (Pelajar 2)

“Salah satu tanggungjawab saya sebagai pengarah program ialah mengatur perjalanan program dan saya kena pandai atur masa. Semua AJK adalah *free* untuk buat *meeting* kena berkomunikasi dengan *lecturer* untuk bagi tau kami akan ada *meeting*. Jadi, situ tanggungjawab yang memberi impact kepada saya adalah mengenai ketepatan waktu..... *Lecturer* akan bagi link dahulu jadi di situ saya kena *inform* dengan ahli paramedik yang lain. Sekiranya, kelas jam 9 jadi saya *inform* dalam *group* 8.50 semua sudah masuk. Jadi jam 9 kami boleh terus mula kelas tanpa perlu tunggu yang lagi.” (Pelajar 5)

“Saya sebagai ketua unit teknikal perlu bahagikan tugas sebab dalam Unit Teknikal ada banyak tugas, macam cari *line*, cari *scene*, cari *overlay* yang patut guna dalam *live streaming*. So, dalam tu juga saya bahagi masa untuk cari supaya tahu cara guna *software OBS Stream*. Saya belajar dulu *OBS* macam mana *features-features*, dan ajar rakan-rakan dalam unit teknikal.” (Pelajar 6)

### **Belajar Mengurus Projek**

Tidak dapat dinafikan apabila seseorang diberikan tugas atau sesuatu projek maka ia akan belajar untuk mengurusnya. Demikianlah juga dengan maklum balas informan yang menyatakan dengan jelas, mereka dapat belajar mengurus projek dalam ‘Program Ko-kurikulum Berkredit’.

“Saya dapat belajar untuk uruskan projek dengan lebih teratur”. (Pelajar 1)

“Sebelum ini *blur* untuk atur tugas dan sekarang pula lebih sistematik mengurus aktiviti dan projek”. (Pelajar 2)

“Impact besar dalam aktiviti UMS SPRINT di mana saya dapat belajar macam mana mengurus projek daripada pengurusan hingga ke pengagihan tugas, kemudian mengurus kandungan yang perlu dikongsikan secara dalam talian.” (Pelajar 3)

“Saya dapat belajar macam mana mengendalikan program, Misalnya dalam kursus itu sendiri saya lebih tahu situasi mangsa dalam satu kecemasan.” (Pelajar 5)

“Saya sebagai ketua unit teknikal perlu tahu membahagikan tugas untuk rakan-rakan sebab dalam unit teknikal ada banyak tugas.” (Pelajar 6)

### **Pengetahuan Baru**

Setiap pembelajaran sudah tentu dapat menghasilkan pengetahuan baru kepada pelajar. Justeru, penyertaan informan dalam program ko-kurikulum juga dapat memberikan pengetahuan baru. Hasil analisis temubual berikut menunjukkan informan telah mendapat pengetahuan baru yang sangat berguna dan dapat membantu diri mereka sama ada dalam akademik dan bukan akademik.

“Dulu saya kurang mahir membuat seni kartun-kartun *animation* bergerak tapi selepas saya menyertai kursus ni pensyarah saya dapat ajar saya dengan lebih efektif jadi saya lebih senang tangkap apa yang diajar dan ini menaikkan semangat saya untuk melakukan hobi saya. Kemahiran



baru yang saya dapat adalah untuk membuat satu animasi filem yang pendek, dan saya ada *published* dalam *channel YouTube*. (Pelajar 3)

“Saya bersajak dalam bahasa Iban dan ini pun macam buat *something new* yang tak pernah buat.” (Pelajar 4)

“Saya jadi AJK teknikal bagi saya banyak cabaran terutama jika *line* tak ok. Banyak saya belajar benda baru, macam *stream live* dari *page facebook*. Kalau karnival kokum saya jadi ketua untuk *editor video*, so benda baru jugalah bagi saya. Sekarang ini pula dapat *knowledge* juga walaupun guna *application* yang sama tapi macam *more better than before*..”(Pelajar 4)

“Saya sendiri *explore* macam mana cara buat *live FB* di mana ada *overlay* yang perlu guna *software OBS*. Baru saya tahu untuk buat *live streaming* ini bukan senang. Saya belajar sendiri daripada *You tube*. Dalam program kami memang *lecturer* suruh kami *explore* sendiri dan di situ terasah kami punya *brainstorming*.” (Pelajar 6)

“Saya dapat belajar sesuatu yang baru dan saya lebih celik IT. Saya kurang pakar untuk buat video secara *online* dan buat poster. Sebelum ni tahu *power point* saja tapi sekarang ni kita ada *canva* kita ada *capcut* untuk buat video.” (Pelajar 8)

“Kalau saya sendiri mempelajari sesuatu yang baru lebih-lebih lagi *OBS* tu. Sebelum masuk kursus ini, saya juga ada *join JPP* jadi ada program-program yang saya menjadi pengarah. Jadi bila *join* kursus ini saya jadi orang bawahan. So, saya tau begini pula menjadi AJK. So *next time* kalau jadi pengarah saya boleh *consider* masalah orang lain, masa orang, cara dorang, dan ada orang yang tidak tau apa-apa, so kita boleh bagi tunjuk ajar sama mereka.” (Pelajar 6)

“Selain itu ada juga macam *soft skill* sebab kalau *zoom* ada banyak *platform* baru diperkenalkan oleh pensyarah kami. Macam tu *whiteboard google* tu saya tidak pernah tahupun wujud tapi memang *lecturer* kami guna dan saya baru tahu kewujudannya sekarang dan cara guna. Saya aplikasikan pengetahuan yang saya dapat ini. Baru-baru ini saya sertai *National Youth Online Gathering* di mana saya sebagai fasilitator dapat menggunakan *whiteboard google* untuk mengajar saya punya murid-murid.” (Pelajar 5)

“Saya ambil kursus UMS Sejati, Paramedik 2 di mana aktiviti kami lebih berfokus kepada *mild emergency*, contohnya patah tulang, kecederaan dalaman, lebam, luka darah, balutan jadi apa yang kami belajar *mostly* yang pertama tentang luka dan balutan, kedua tentang tulang-tulang, jenis-jenis tulang dan jenis patah tulang dalaman atau luar, juga cara kami untuk paramedik rawat pesakit yang ada kecederaan” (Pelajar 5)

### **Berani untuk Memimpin**

Sifat keberanian kadangkala timbul dalam diri sama ada seseorang itu diletak dalam keadaan yang memaksa dirinya untuk berbuat demikian disebabkan kewajipan tanggungjawab yang sedemikian rupa. Berikut adalah hasil analisis temubual informan berkenaan dengan sifat berani untuk memimpin.

“Saya merasakan berani untuk memimpin sebab masing-masing memberikan komitmen yang baik dan semua *supportive* dan saling kerjasama.” (Pelajar 3)

“Kalau dari kepimpinan pula saya mau jadi berani untuk memimpin... *so* macam banyak membantu saya untuk jadi berani untuk memimpin kumpulan.” (Pelajar 4)

“Kita boleh belajar juga tentang kepimpinan *team work* yang perlu kita aplikasikan dalam kehidupan seharian dan menjadi pemimpin yang dikagumi menuntut kita banyak membaca tentang corak-corak pemerintahan di dunia.” (Pelajar 4)

“Menjadi *leader* tidak semestinya sempurna, mula-mula risau dan takut, tapi program masih berjalan dengan lancar. Saya yakin untuk menjadi seorang ketua lagi untuk program akan datang. Saya dapati personaliti saya ada beberapa yang sesuai untuk menjadi seorang ketua, lagi-lagi dari segi kemahiran memimpin.” (Pelajar 7)

### **Bertanggungjawab**

Sikap bertanggungjawab dapat diperolehi melalui pengalaman dalam mengendalikan sesuatu aktiviti ataupun projek. Beberapa informan menyatakan impak program ko-kurikulum dapat menerapkan sikap bertanggungjawab dalam diri mereka masing-masing.

“...saya lebih bertanggungjawab.” (Pelajar 3)

“Tanggungjawab sebagai ketua untuk menyatupadukan ahli-ahli dalam beberapa kumpulan kecil bila ada pertelingkahan, inikan pula satu kumpulan yang besar dan sebenarnya bukanlah mudah. Langkah yang diambil ialah dengan membuat satu kumpulan antara ketua-ketua kumpulan kecil yang kemudiannya akan memberikan maklumat dan sokongan kepada mereka.” (Pelajar 2)

“Saya menggunakan langkah tangga, kiranya macam saya melaksanakan tanggungjawab saya untuk berjumpa dengan ketua kumpulan kecil dan mereka akan bertanggungjawab untuk berjumpa dengan ahli-ahli mereka selepas menerima arahan dari saya..” (Pelajar 7)

“Pengurusan tugas untuk AJK yang saya rasa macam bertanggungjawab sebab *madam inform* pengarah, pengarah *info* saya, *so* pengarah suruh bagitau AJK tertinggi apa yang mereka patut buat.” (Pelajar 4)

“Sepanjang aktiviti ada juga berlaku *miscommunication*, di mana AJK tertinggi poster tidak peka. Jadi AJK biasapun, saya rasa tanggungjawab untuk saya di mana ketua saya bagi saya tanggungjawab untuk menyediakan *google form* untuk tujuan memantau kehadiran.” (Pelajar 8)

“..selepas tu saya belajar untuk bertanggungjawab, di mana masa karnival Kokum, *madam* kami ada masalah kesihatan. *So* saya dan pengarah yang *handle AJK*. Kami bagi-bagi tugas dan saya rasa lebih bertanggungjawab. Setiap hari saya akan tanyakan AJK, tentang tugas mereka sama ada *ok* kah tidak.” (Pelajar 8)

“Tanggungjawab sebagai ketua kumpulan sangat penting kerana sebenarnya, saya jenis yang dalam kelas tidak fokus. Lagipun kelas *online* lagikan, kokum pada masa itu. Tapi memandangkan saya adalah ketua kumpulan dan ada rasa tanggungjawab lagi, maka otak kena fokus kerana nanti ada informasi daripada *lecturer*, saya yang kena sampaikan kepada kumpulan saya.” (Pelajar 9)

### **Bertoleransi**

Sikap bertoleransi adalah sikap yang terpuji dan bukan mudah untuk melaksanakannya dalam satu kumpulan yang besar. Namun, hasil analisis temubual dapat menunjukkan impak sikap bertoleransi

dapat diterapkan dalam kalangan beberapa informan melalui penyertaan ‘Program Ko-kurikulum Berkredit’.

“Salah satu faedah yang saya dapat ialah lebih bertoleransi. Sebelum ini bertoleransi juga tapi sekarang ini lebih bertoleransi sebab dari situ saya belajar untuk dengar pendapat orang lain. Dengar pendapat orang di bawah saya seterusnya saya juga dapat lebih memahami situasi orang.” (Pelajar 5)

“Saya juga merasakan toleransi antara satu dengan lain menjadi lebih baik iaitu macam mana kami memberi pendapat dan menolak pendapat dengan cara yang baik untuk lebih *improve*.” (Pelajar 3)

“Melalui program kursus yang saya ikut ini sebagai Pengarah Program, pertama saya belajar cara untuk bertoleransi, dan saya belajar juga untuk *handle* AJK secara *online*. Sebelum ini saya pernah menjadi ketua dalam satu program dan dikendalikan secara bersemuka. Tapi yang ini pertama kali saya *handle* program untuk *online*.” (Pelajar 4)

“Jadi bila ada masalah AJK lain selalunya saya akan terus tegur dan akan terus marah tapi daripada kursus ini, saya dapat belajar bertoleransi dengan AJK lain jika mereka ada masalah *line*, masalah tersendiri selain dari ini, kalau *chat* pun kena atur ayat juga kalau ada masalah, kena dekatkan diri dengan mereka.” (Pelajar 5)

### **Perbincangan dan Kesimpulan**

Kemahiran insaniah adalah elemen yang sangat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global. Penilaian produk ‘Program Ko-kurikulum Berkredit’ telah berjaya memupuk kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat dan kemahiran kepimpinan. Karnival ko-kurikulum adalah kemuncak pembelajaran ko-kurikulum yang mempamerkan *output* pembelajaran secara amali melalui persembahan, pameran atau pertandingan yang diadakan pada setiap penghujung semester melibatkan keseluruhan pelajar ko-kurikulum dari pelbagai komponen kemasyarakatan, kepimpinan, kebudayaan dan kesenian, sukan dan rekreasi, teknologi dan badan-badan beruniform seperti PALAPES, SUKSIS dan UMS\_SEJATI (Panduan Program Ko-kurikulum, PKPP, UMS, 2009:18). Karnival ini berjaya dijalankan mengikut keadaan fasa pandemik pada ketika itu. Kemahiran insaniah adalah kemahiran generik yang kebanyakannya berkait dengan kemahiran kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Ternyata, informan menyatakan mereka juga mendapat kemahiran insaniah hasil penyertaan kursus-kursus ‘Program Ko-kurikulum Berkredit’. Pada keseluruhannya, penilaian produk mendapati hasil pembelajaran adalah tercapai di mana ramai pelajar telah mendapat keputusan yang cemerlang berdasarkan analisis dokumen. Selain itu, banyak impak yang berfaedah yang berkaitan dengan kemahiran insaniah dan objektif kursus-kursus ko-kurikulum berkredit juga telah tercapai. Justeru, kursus-kursus ko-kurikulum berkredit yang sedia ada di PKPP adalah wajar untuk kekal diteruskan penawarannya.

### **Penghargaan**

Terima kasih kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah di atas pembiayaan kajian di bawah Geran SDK0093-2019. Terima kasih juga kepada Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) di atas kebenaran dan kerjasama yang diberikan untuk menjayakan kajian ini. Sekalung penghargaan juga kepada pelajar-pelajar semester 2 sesi 2021-2022 yang sudi menjadi informan kajian.

## Rujukan

- Abd. Fatah Hasan. (2001). *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Atory Hussain. (1998). *Reformasi pentadbiran di Malaysia*. Siri Pengurusan dan Pentadbiran Utusan. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunos & Noraini Kaprawi. (2004). *Peranan Kokurikulum Dalam Pembangunan Kemahiran Generik*. Jurnal Sains Sosial. KUiTTHO: Jilid 2. Bil.1.
- Ahmad Esa, Mohd. Khir Mohd Nor, Nawawi Jusoh, Norashidah Abd Rahman & Zalinah Salehon. (2015). *Citra kokurikulum*. Johor: Penerbit UTHM.
- Ahmad, Y. (2008). *Extra-curricular teacher readiness to manage uniform societies in secondary schools in Seremban, Negeri Sembilan*. Master Thesis. Universiti Malaya.
- Aini Hussain, Che Husna Azhari, Dzuraidah Abdul Wahab, Noriah Ishak & Siti Rahaya Ariffin. (2005). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Menggunakan Model Tersebuti*. Pembentangan Kertas Kerja. Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan.
- Aminuddin Ruskam. (2004). *Hiperrealiti: Isu pembinaan nilai dalam pemikiran pasca moden*. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.
- Azizi Yahaya, Jamaluddin Ramli & Shahrin Hashim. (2010). Sejauh manakah model stufflebeam (KIPP) boleh membantu dalam penilaian program pembelajaran? Universiti Teknologi Malaysia.
- Bernadette Robinson. (2002). *The CIPP approach to evaluation*. COLLIT Project.
- Cayanus, J. L. (2005). *Student's propensity to ask questions: Do cognitive flexibility, teacher selfdisclosure, student motives to communicate, and affective learning influence question asking in the classroom?* (Doctoral dissertation). West Virginia University, Morgantown.
- Chambers, E. A., & Schreiber, J. B. (2004). Girls' academic achievement: varying associations of extracurricular activities. *Gender and Education*, 16(3), 327-346.
- Chemers, M. M., Hu, L., & Garcia, B. F. (2001). Academic self-efficacy and first-year college student performance and adjustment. *Journal of Educational Psychology*, 93(1), 55-64.
- Chickering, A. & Reisser, L. (1993). *Education and identity* (2nd ed). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Chickering, A. (1969). *Education and identity*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. 4<sup>th</sup> Edition. SAGE.
- Cunconan, T. M. (1996). The conceptualization, measurement, and validation of a student's propensity to ask questions in the college classroom (Doctoral dissertation). University of Oklahoma, Norman, OK
- Davidson, W. B., & Beck, H. P. (2006). Using the survey of academic orientations to predict undergraduates' stress levels. *NACADA Journal*, 26(2), 13-20.
- Davidson, W. B., & Beck, H. P. (2006). Using the survey of academic orientations to predict undergraduates' stress levels. *NACADA Journal*, 26(2), 13-20.
- Farida Yusuf Tayibnapis. (2000). *Evaluasi program*. PT. Rineka Cipta.
- Farida Yusuf Tayibnapis. (2008). *Evaluasi program dan instrumen evaluasi untuk program pendidikan dan penelitian*. Rineka Cipta.
- Finch C. R., & Crunkilton, J. R. (1999). *Curriculum development in vocational and technical education: planning, content, and implementation*. 5<sup>th</sup> Edition. Allyn & Bacon.
- Friedlander, L. J., Reid, G. J., Shupak, N., & Cribbie, R. (2007). Social support, self-esteem, and stress as predictors of adjustment to university among first-year undergraduates. *Journal of College Student Development*, 48(3), 259-274.
- Guba, E.G. and Lincoln, Y.S. (1981) *Effective Evaluation*. Jossey-Bass, San Francisco.



- Huang, Y. R., & Chang, S. M. (2004). Academic and co-curricular involvement: Their relationship and the best combinations for student growth. *Journal of College Student Development*, 45(4), 391-406.
- Hunt, D.H. (2005). The effect of extracurricular activities in the educational process: Influence on academic outcomes. *Sociological Spectrum*, 2, 417-445.
- Jamalis, M., & Omar Fauzee, M. S. (2007). Developing human value through extra curricular activities. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 3(1), 53–60
- Johari Hassan & Sutinah A. Safar, (2010). *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*.
- Khatijah Omar & Siti Nazilah Mat Ali (2006). *Kemahiran Generik Ke Arah Pengukuhan Modal Insan Kelas Global*. In: National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Lahmers, A. G., & Zulauf, C. R. (2000). Factors associated with academic time use and academic performance of college students: A recursive approach. *Journal of College Student Development*, 41(5), 544-556.
- Mahyuddin Arsat & Sri Dewi Rahimi. (2011). *Kemahiran Generik Dalam Latihan Industri Terhadap Pembentukan Kerjaya Jurutera Di Dyson Manufacturing Sdn Bhd*.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey-Bass
- Mohd Faizullah Mohamed. (2014). *Penerapan kemahiran insaniah dalam konteks membina insan berkepimpinan di kalangan pelajar melalui aktiviti kokurikulum di universiti*.
- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abdul Kadir, & Soaib Asimiran. (2013). Hubungan Persekitaran Sekolah dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah, 38(2), 1–9.
- Mohd Taib Dora. (2008). *Kemahiran Insaniah: 7 Kompotensi Unggul Mahasiswa*. Penerbit. Universiti Teknikal Malaysia.
- Mossman, B. W. (1981). *Teaching strategies for ethnic studies*. 2<sup>nd</sup> Edition. James A. Banks Boston.
- Nonis, S. A., & Hudson, G. I. (2006). Academic performance of college students: Influence of time spent studying and working. *Journal of Education for Business*, 81(3), 151-159.
- Noorashidi Borhan. (2009). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Kokurikulum di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM*.
- Pang, V., & Lajium, D. (2014). *Penilaian dalam pendidikan*. Universiti Malaysia Sabah.
- Payne, J. W. (1994). Thinking aloud: Insights in to information processing. *Psychological Science*, 5(5), 241–248.
- Pritchard, M. E., & Wilson, G. S. (2003). Using emotional and social factors to predict student success. *Journal of College Student Development*, 44(1), 18-28.
- Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar. (2009). *Panduan Program Kokurikulum*. Universiti Malaysia Sabah.
- Reeves, T. C., & Harmon, S. W. (1994). *Systematic evaluation procedures for interactive multimedia for education and training*. In Resman, S. (Eds.), *Multimedia Computing: Preparing for the 21st Century*. Idea Group Publishing.
- Rohana Hamzah, Zulfadly B Othman, Hasnah Hussiin, Zuraina Binti Ali & Christina Andin @ Nur Qistina Abdullah. (2019). Pembangunan model penilaian kurikulum berteraskan nilai universal bagi program pendidikan berasaskan teknologi & kejuruteraan: Satu kerangka konseptual. *International Journal of Humanities Technology & Civilization*, 2(7), 55-68.
- Rossi, P, Lipsey, M & Freeman, H. (2003). *Evaluation: A systematic approach*. 7<sup>th</sup> Edition. SAGE.
- Sax, G. (1980). *Principles of educational and psychological measurement and evaluation*. 2<sup>nd</sup> Edition. Wadsworth Publishing Company.



- Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur. Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Shamsa Aziz, Munazza Mahmood & Zahra Rehman. (2018). Implementation of CIPP Model for quality evaluation at school level: A case study. *Journal of Education & Educational Development*, 5(1), 189-206.
- Silverman, D. (2000). *Doing qualitative research: a practical handbook*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Stake, R. E. (2000). Case studies. In N. K. Denzim & Y. S. Lincoln (Eds.), *Handbook of Qualitative Research*. 2<sup>nd</sup> Edition. SAGE.
- Stake, R.E. (2010). *Qualitative Research: Studying How Things Work*. New York: The Guilford Press
- Stephens, L., & Schaben, L. (2002). The effect of interscholastic sports participation on academic achievement of middle level school students. *NASSP Bulletin*, 86(630), 34-41.
- Stufflebeam, D. L. (1971). *Education Evaluation and Decision Making*. F.E. Peacock Publisher, Inc.
- Stufflebeam, D. L. (2001). Evaluations models. *New directions for Evaluation*, 89, 7-99.
- Stufflebeam, D. L. (2003). The CIPP model for evaluation. In D. L. Stufflebeam & T. Kellaghan (Eds.), *The International Handbook of Educational Evaluation* (Chapter 2). Kluwer Academic Publishers.
- Stufflebeam, D. L., & Shinkfield, A. J. (2007). *Evaluation theory, models and applications*. Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Stufflebeam, D. L., Folely, W. J., Gephart, W. J., Guba, E. G., Hammond R. L., Merriman, H.O., & Provus, M. M. (1971). *Educational Evaluation and Decision-making*. F.E. Peacock.
- Stufflebeam, D. L., Herold & Beulah, M. K. (2003). The CIPP Model for evaluation. *Annual Conference of Oregon Program Evaluators Network (OPEN)*.
- Sukardi. (2011). *Metodologi penelitian pendidikan kompetensi dan praktiknya*. Bumi Aksara.
- Tan, David L. & Pope, Myron (2007). Participation in Co-curricular Activities: Nontraditional Student Perspectives. *College & University*, 83 (1): pg. 2-9.
- Tubbs, Stewart L. & Sylvia Moss. (2000). *Human Communication: Konteks-konteks Komunikasi. Terjemahan Deddy Mulyana dan Gembirasari*. Bandung. Remaja Rosdakarya.
- UMS Prospektus Prasiswazah, (2017-2018)*. Universiti Malaysia Sabah.
- VanZile-Tamsen, C. (2001). The predictive power of expectancy of success and task value for college students' self-regulated strategy use. *Journal of College Student Development*, 42(3), 233-241.
- Wardatul Aishah Musa. (2014). Kesedaran sendiri terhadap aktiviti kokurikulum dan keberkesannya kepada remaja, 2014(June), 778-785.
- Wheeler, P., & Haertel, G. D. (1993). *Resource handbook on performance assessment and measurement: A tool for students, practitioners, and policymakers*. Berkeley, CA: Owl Press.
- Wiggins, G. P. (1993). *Assessing student performance: Exploring the purpose and limits of testing*. Jossey-Bass.
- Worthen, B. (1990). *Program evaluation*. H. Walberg & G. Haertel (Eds.), *The international encyclopedia of educational evaluation* (pp. 42-47). Toronto, ON: Pergammon Press.
- Zajacova, A., Lynch, S. M., & Espenshade, T. J. (2005). Self-efficacy, stress and academic success in college. *Research in Higher Education*, 46(6), 677- 706.
- Zamri Mahamod. (2012). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.